



UNTUK SIARAN
SEGERA
1 DISEMBER 2020

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

RAYUAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) 2.0 DIBUKA 7 HINGGA 21 DISEMBER 2020

Geran Khas Prihatin (GKP) merupakan bantuan kewangan secara *one-off* berjumlah RM3,000 kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro yang berkeelayakan. Ia bagi meringankan beban kewangan perniagaan yang dihadapi ekoran penularan wabak COVID-19. Di samping itu, bantuan ini bermatlamat meningkatkan produktiviti pengeluaran dan perkhidmatan demi kelangsungan PKS mikro. Setakat ini, **hampir 850,000 PKS mikro telah menerima GKP dan GKP 2.0, dengan jumlah bantuan kewangan keseluruhan sebanyak RM2.55 bilion.**

Kerajaan amat prihatin akan cabaran yang dihadapi oleh PKS secara amnya terutamanya PKS mikro. Sehubungan itu, GKP dan GKP 2.0 merupakan komitmen berterusan Kerajaan dalam membantu PKS mikro yang terjejas. Bagi memastikan PKS mikro yang benar-benar layak menerima GKP 2.0, setiap permohonan disemak silang dengan data agensi yang ditetapkan Kerajaan sehingga 31 Ogos 2020, termasuk di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Tempoh rayuan GKP 2.0 akan dibuka dari 7 hingga 21 Disember 2020. Ini bagi memberi peluang kepada perayu untuk mengemukakan rayuan berserta dokumen sokongan untuk disemak/diverifikasi semula oleh LHDNM. Permohonan rayuan boleh dibuat secara dalam talian di Portal GKP, <https://gkp.hasil.gov.my>.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
1 Disember 2020